

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Maf'u:l bih merupakan salah satu elemen yang penting dan mempunyai keistimewaan dan kedudukannya yang tersendiri dalam ayat BA. *Maf'u:l bih* mempunyai hubungan dengan elemen-elemen lain seperti kata nama, kata kerja dan sebagainya yang saling berkait rapat antara satu sama lain. Para pelajar belum mampu menguasai BA dengan baik dan berkesan jika tidak berupaya menggunakan dan menguasai sepenuhnya *maf'u:l bih* dalam penulisan dan pertuturan mereka.

1.1 Permasalahan Kajian

Sebenarnya latar belakang kajian ini mengambil kira mengenai kelemahan, bentuk kesilapan dan kekeliruan pelajar dalam aspek penggunaan, penguasaan dan kemahiran mengaplikasikan *maf'u:l bih* sama ada dalam penulisan atau pun pertuturan mereka.

Berdasarkan penilaian ringkas penulis melalui latihan bertulis ringkas dan soalan lisan semasa proses pengajaran, penggunaan *maf'u:l bih* dalam kalangan pelajar sama ada dalam pertuturan atau penulisan mereka masih berada di tahap yang minimum jika dibandingkan dengan penggunaan kata nama atau kata kerja. Kemungkinan berlakunya hal sedemikian ialah kerana kelemahan pelajar dalam memahami erti *maf'u:l bih* yang sebenarnya serta kepenggunaannya yang sesuai dalam sesuatu struktur ayat.

Maf'u:l bih merupakan salah satu daripada elemen penting dalam kata nama yang mempengaruhi struktur pembinaan dan pembentukan sesuatu ayat. Wujudnya pola-pola *maf'u:l bih* yang pelbagai yang menguatkan lagi fungsi penggunaan *maf'u:l bih* dalam struktur ayat semakin meletakkan *maf'u:l bih* pada kedudukan yang penting dalam tatabahasa. Namun demikian penggunaan dan penguasaan *maf'u:l bih* masih kurang mendapat perhatian. Kajian yang sewajarnya patut dijalankan untuk menilai sejauh mana penggunaan *maf'u:l bih* telah diaplikasikan oleh para responden.

Faktor yang pelbagai seperti keupayaan guru, alat bantu mengajar yang digunakan, bahan sumber pengajaran yang dijadikan rujukan, sikap pelajar dan lain-lain boleh mempengaruhi tahap keupayaan pelajar untuk menguasai *maf'u:l bih*. Setakat ini tidak banyak kajian yang memfokuskan mengenai penggunaan *maf'u:l bih* secara kolektif.

Melalui kajian ini adalah diharapkan akan dapat mengenal pasti masalah dan kesukaran yang dihadapi oleh para responden dalam usaha mereka menguasai kepelbagaian *maf'u:l bih* Arab dan mengaplikasikannya dalam pertuturan dan penulisan mereka.

1.2 Tinjauan Kajian Lepas

Sebelum membuat kajian, penulis terlebih dahulu membuat tinjauan terhadap kepentingan penguasaan ilmu nahu dalam kalangan responden BA dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran ilmu nahu BA. Tinjauan ini dilakukan dengan cara merujuk kepada rujukan-rujukan berkaitan dengan ilmu nahu BA serta beberapa tesis yang berkaitan dengan bidang yang dikaji. Kajian-kajian lepas adalah berkaitan dengan penguasaan salah satu daripada cabang perbahasan ilmu nahu Arab dalam kalangan pelajar sekolah mahu pun kolej dan institut pengajian yang lain.

Melalui tinjauan, penulis mendapati beberapa kajian yang ada kaitan dengan penguasaan topik-topik tertentu dalam cabang perbahasan ilmu nahu telah pun dilakukan sebelum ini.

Sulaiman bin Haji Ismail (1996) telah menjalankan satu kajian dalam bidang analisis kesilapan yang menjadikan frasa adjektif sebagai tajuk kajiannya. Tajuk kajiannya ialah “*Analisis Kesilapan Frasa Adjektif Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu*”. Dalam kajian ini, penulis hanya menfokuskan kepada satu tajuk Nahu Arab sahaja iaitu kata adjektif atau dalam bahasa Arabnya التَّعْتُ وَالْمَنْعُوتُ atau الصِّفَةُ وَالْمَوْصُوفُ. Pelajar yang dipilih pula adalah merupakan pelajar-pelajar Melayu aliran agama dan Arab lepasan tingkatan lima dan enam yang sedang mengikuti kursus di Pusat BA IKIP Pahang. Beliau menfokuskan kajiannya kepada kesalahan yang dilakukan oleh pelajar daripada aspek keserasian yang melibatkan kepastian, genus, bilangan dan tanda kasus. Dalam dapatan kajiannya (1996:222) beliau menyatakan, pelajar melakukan banyak bentuk kesilapan dalam topik yang dikaji. 97.55% kesilapan adalah dikesan berlaku dalam kategori intralingual iaitu kesilapan yang berpunca daripada faktor bahasa kedua yang sedang mereka pelajari, manakala 2.45% kesilapan sahaja yang direkodkan berpunca daripada kesilapan interlingual iaitu kesilapan yang berpunca daripada bahasa pertama pelajar.

‘Abqari Hisan ‘Abdullah (2003) dari UM telah melakukan satu kajian berkaitan penggunaan *maf‘u:l fi:h* Di Kalangan Pelajar Melayu. Hasil dapatan kajiannya, beliau membuat kesimpulan bahawa penguasaan pelajar tentang *maf‘u:l fi:h* masih berada pada tahap yang lemah. Menurut beliau kelemahan adalah berpunca daripada faktor latar belakang pendidikan pelajar dalam menguasai kefahaman asas berkaitan tajuk *maf‘ul fi:h*. Berdasarkan rumusan kajian, beliau telah membuat rumusan bahawa kelemahan dalam tajuk kajian adalah disebabkan oleh faktor dalaman iaitu sikap pelajar itu sendiri terhadap pelajaran. Pelajar kurang berusaha menguasai (memahami) bentuk-bentuk ayat asas dan

menyebabkan mereka tidak dapat menentukan atau mengaplikasikan penggunaan *maf'ul fi:h* dengan tepat dalam sesuatu struktur ayat. Menurutnya, faktor inilah menjadi punca utama menyebabkan mereka kurang menguasai pelajaran dengan baik.

Azlan Abdul Rahman pada tahun (2003) telah menjalankan satu kajian dalam bidang analisis kesilapan, kelemahan, bentuk-bentuk kekeliruan pelajar dalam aspek penggunaan, penguasaan dan kemahiran mengaplikasi masdar sama ada dalam penulisan atau pun pertuturan mereka. Tajuk kajiannya ialah "*Penggunaan Masdar Dalam Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes*". Pelajar yang dipilih pula adalah merupakan pelajar-pelajar Melayu. Kebanyakan mereka adalah dari lepasan sekolah-sekolah menengah aliran agama dan BA. Mereka juga merupakan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Pelajar adalah berasal daripada pelbagai negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Dalam dapatan hasil kajiannya (2003.165) beliau menyatakan penggunaan kaedah, teknik dan cara pengajaran masdar yang sesuai dapat membantu pelajar menguasai masdar secara efektif.

Sikap pelajar juga menjadi "kayu ukur" untuk menilai sejauh mana mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk memahami dan menguasai masdar. Kedapatan pelajar yang bersikap sambil lewa dan cuai ketika mempelajari masdar. Punca kesilapan seperti ini terjadi kerana pelajar tidak menghayati sepenuhnya pembelajaran masdar.

Kebanyakan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar adalah berpunca daripada kelemahan mereka memahami dan menguasai pola-pola masdar dan pola-pola kata kerja. Kekeliruan fungsi dan makna pola juga menyebabkan pelajar kerap melakukan kesilapan. Kurang latihan dan kefahaman pelajar dalam aspek tatabahasa, imla' dan insya' turut menyebabkan

pelajar sering melakukan kesilapan ketika membina dan menyusun ayat-ayat daripada masdar.

Pada dasarnya wujud beberapa faktor utama yang boleh memberi sumbangan positif dan inovatif ke arah membaiki dan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran nahu Arab di sekolah-sekolah menengah agama dan juga pusat-pusat pengajian tinggi awam dan swasta. Diharapkan setiap pihak melangkah ke hadapan dengan mengamalkan sikap terbuka secara telus dan tulus supaya setiap saranan dan cadangan yang dikemukakan dilihat dan diterima dari sudut positif yang membina dan bukan untuk "mengena" mana-mana pihak.

Nurillah binti Abdullah Hassim (2005) dari UIAM telah melakukan satu kajian berkaitan dengan penguasaan salah satu tajuk dalam Nahu BA iaitu "*Penyalahgunaan al-Nawa:sikh Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang*" Pelajar kajian beliau ialah 76 orang yang dipilih secara rawak daripada tiga buah sekolah menengah agama di daerah Pekan, Pahang iaitu Sekolah Menengah Agama al-Attas Pekan. Sekolah Tinggi Agama Sultan Abu Bakar Pekan dan Sekolah Menengah Agama Tengku Ampuan Fatimah Pekan.

Hasil dapatan kajiannya (2005:88) beliau membuat kesimpulan bahawa secara keseluruhannya tahap penguasaan dan kefahaman pelajar terhadap tajuk kajian adalah di tahap lemah. Pelajar masih keliru dan gagal memahami dengan baik tentang maksud al-nawa:sikh. Pelajar juga gagal memberi tumpuan mendalam tentang tajuk *al-marfu'a:t*, *al-majru:ra:t* dan *al-mansu:ba:t*.

Kesilapan juga berpunca daripada kelemahan tenaga pengajar dalam menyampaikan tajuk berkaitan. Disamping itu juga tahap sukatan pelajaran yang terlalu tinggi dan tidak

bersesuaian dengan pelajar di tahap sekolah menengah dan terpengaruh dengan bahasa ibunda ketika menterjemah perkataan Arab menjadi faktor kegagalan pelajar untuk menggunakan *al-nawa:sikh* dengan betul dan tepat. Justeru itu, suatu langkah yang proaktif seperti kaedah penyampaian yang menarik, bentuk latihan yang lebih kerap, latih tubi yang berterusan, penggunaan bahan bantu mengajar dan seumpamanya perlu diambil untuk memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran akan tercapai.

Ahmad Fare:d Mohd Di:n pada tahun (2006) juga telah melakukan satu kajian yang mempunyai kaitan dengan penguasaan cabang Ilmu Nahu. Kajian beliau bertajuk “*Tahap Penguasaan Al-Tamyi:z Dalam Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes*”. Kajian beliau telah dilakukan ke atas 100 orang pelajar yang dipilih secara rawak daripada Sekolah Menengah Agama al-Ihsan, Kuantan, Pahang. Dalam kajian ini, penulis telah menyentuh mengenai *al-tamyi:z* daripada semua aspek, termasuklah takrif *al-tamyi:z*, pembahagian *al-tamyi:z* kepada *al-dha:t*, bilangan, sukatan, menyerupai sukatan dan *al-tamyi:z al-nisbat*. Dalam bahagian *al-tamyi:z al-‘adad*, ada sedikit persamaan dengan topik yang akan dikaji ini, walau bagaimanapun penulis ini hanya menyentuh bahagian *al-‘adad* yang mana *al-ma‘du:dnya* adalah *al-tamyi:z* tanpa membincangkan sedikitpun mengenai *al-‘adad* dan juga *al-ma‘du:d* yang *ida:fat* dan juga *al-na‘t*. Daripada dapatan kajiannya (2006:90) didapati pelajar- pelajar masih keliru di antara konsep *al-tamyi:z* dengan *al-ha:l*, begitu juga didapati pelajar masih tidak menguasai tanda baris bagi *al-tamyi:z*. Pelajar juga didapati tidak dapat menguasai variasi *al-tamyi:z* dengan baik.

Mohd Shafien bin ‘Othman pada tahun (2008) telah melakukan satu kajian berkaitan dengan penguasaan salah satu tajuk dalam Nahu BA iaitu “*Penguasaan al-I‘la:l dan al-Ibda:l Dalam Kalangan Pelajar- Pelajar Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)*”. Kajiannya yang dilakukan pada tahun 2008 melibatkan 60 orang pelajar daripada dua buah

sekolah yang dipilih secara rawak iaitu 30 orang mewakili Sekolah Agama Menengah Tinggi Kuala Kubu Baru dan 30 orang lagi mewakili Sekolah Agama Menengah Tinggi Hishamuddin. Dari hasil dapatan kajiannya (2008:163) beliau membuat kesimpulan bahawa penguasaan pelajar tentang perkataan asal yang terlibat dengan *al-i'la:l* dan *al-ibda:l* masih pada tahap yang lemah. Pelajar lemah dalam menentukan *wazan* yang berkaitan dengan kata kerja *na:qis* yang sangat penting dikuasai dalam menentukan kedudukan sesuatu huruf yang akan terlibat dengan *al-i'la:l* dan *al-ibda:l*. Menurutnya pelajar juga tidak dapat menguasai dengan baik perubahan yang berlaku pada perkataan yang terlibat dengan proses *al-ibda:l*.

Kelemahan ini berpunca daripada kegagalan mereka untuk menentukan fonem ta:' dengan tepat pada sesuatu perkataan yang perlu dipadankan dengan *wazan* افْتَعَلَ. Di dalam rumusan kajian, beliau telah membuat rumusan bahawa kelemahan dalam tajuk kajian adalah disebabkan oleh faktor dalaman iaitu sikap pelajar itu sendiri terhadap pelajaran. Pelajar kurang berusaha menguasai *wazan-wazan* asas yang menyebabkan mereka tidak dapat melakukan penukaran huruf pada perkataan. Faktor inilah menurutnya menjadi punca utama menyebabkan mereka kurang menguasai mata pelajaran dengan baik.

Muhamad bin Husin pada tahun (2010) telah melakukan satu kajian berkaitan dengan penguasaan salah satu tajuk dalam Nahu BA iaitu "*Penguasaan Al-'Adad Wa Al-Ma'du:d Dalam Kalangan Pelajar*". Pelajar kajian beliau ialah 100 orang yang dipilih secara rawak daripada dua buah sekolah menengah agama di daerah Kuala Kangsar, Perak iaitu al-Madrasat al-Idri:siyyat, Kuala Kangsar dan juga SMA Ma'had al-Mi:za:n, Manong, Perak. Pelajar-pelajar yang dipilih adalah merupakan pelajar-pelajar tingkatan lima sekolah terbabit. Pemilihan pelajar ini dilakukan memandangkan tajuk kajian merupakan salah satu

tajuk di dalam sukatan Nahu BAT tingkatan lima dan mereka juga merupakan calon-calon yang akan menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2010.

Hasil dapatan kajiannya (2010:157) beliau membuat kesimpulan bahawa secara keseluruhannya tahap penguasaan dan kefahaman pelajar terhadap tajuk kajian adalah di tahap lemah. Pelajar masih gagal membezakan antara *al-'adad* yang *mabniyy* dengan *al-'adad* yang *mu'rab*, masih gagal menentukan dan membezakan antara *al-ma'du:d* yang berfungsi sebagai *al-tamyi:z* dengan *muda:f ilayh* atau *al-na't*, masih gagal menentukan padanan *al-'adad* dan *al-ma'du:d* yang sesuai serta gagal juga untuk menterjemah ayat-ayat pendek daripada BM ke BA. Justeru itu, suatu langkah yang proaktif seperti kaedah penyampaian yang menarik, bentuk latihan yang lebih kerap, latih tubi yang berterusan, penggunaan bahan bantu mengajar dan seumpamanya perlu diambil untuk memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran akan tercapai.

1.3 Ulasan

Kajian mengenai penguasaan cabang ilmu nahu BA ini amat penting untuk dikaji serta mendapat perhatian yang serius daripada kalangan para nahuan dan pencinta BA sejak dahulu lagi. Ini kerana pembelajaran BA dalam kalangan masyarakat Islam, bukan semata-mata untuk menguasai pertuturan bahasa atau penulisannya semata-mata, sebaliknya yang lebih utama ialah untuk memahami kandungan yang tersurat dalam kitab suci al-Qur'a:n al-Kari:m.

Kajian-kajian yang telah dilakukan, bertujuan untuk mengesan permasalahan dalam pembelajaran ilmu nahu serta mengemukakan cadangan-cadangan ke arah memudahkan

lagi proses pembelajaran dan pengajaran cabang ilmu BA yang penting dan amat menarik untuk dikuasai ini. Dengan adanya dapatan-dapatan kajian daripada kajian-kajian yang dijalankan, sekurang-kurangnya akan membantu dalam memberikan panduan berguna kepada usaha-usaha yang dilakukan untuk memartabatkan lagi bahasa ini dan meningkatkan lagi penguasaannya dalam kalangan para responden sekalian.

Kebanyakan kajian lepas mendapati tahap penguasaan cabang Ilmu Nahu dalam kalangan pelajar di Malaysia masih lagi di tahap lemah dan kurang memuaskan. Justeru, kajian berterusan sangat diperlukan untuk memastikan segala aspek kelemahan dikenal pasti dan ditangani dengan baik. Yang pasti di sini ialah berdasarkan penelitian penulis masih belum banyak kajian yang membincangkan tajuk *maf'u:la:t* khususnya *maf'u:l bih*. atau dengan kata lain penulis mendapati belum ada penulis lain yang membicarakan dan membuat kajian secara khusus berkenaan penggunaan *maf'u:l bih* dalam kalangan pelajar Melayu.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenal pasti jenis-jenis *maf'u:l bih*, unit-unitnya, fungsi atau peranan *maf'u:l bih* serta pola-pola kata kerja yang berkaitan dengan *maf'u:l bih*.
- ii. Menghurai punca dan bentuk kesukaran yang sering dihadapi oleh pelajar semasa mempelajari *maf'u:l bih*.
- iii. Menganalisis penguasaan *maf'u:l bih* Arab dalam kalangan pelajar Melayu.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian dan objektif kajian yang telah dihuraikan di atas, disertasi yang akan dilakukan ini akan menjawab beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- 1) Bagaimanakah ahli bahasa dan linguistik Arab menghuraikan tajuk berkaitan dengan *maf'u:l bih*?
- 2) Apakah aspek *maf'u:l bih* yang sukar untuk dikuasai oleh kebanyakan para pelajar?
- 3) Mengapakah para pelajar sukar menguasai dan mengaplikasi penggunaan *maf'u:l bih*?

1.6 Kepentingan Kajian

Tajuk yang akan dibincangkan adalah berkaitan dengan penguasaan salah satu aspek tatabahasa Arab. Penulis merasakan bahawa kajian ini penting kerana bertujuan untuk mengetahui sebab kelemahan pelajar dalam menguasai tajuk ini. Kajian ini juga bertujuan untuk merungkai dan mencari punca kekeliruan yang berlaku dalam kalangan pelajar berkenaan tajuk yang dibincangkan serta mencadangkan langkah-langkah penyelesaiannya. Kajian yang dijalankan ini menekankan kepada konsep *maf'u:l bih* dalam BA yang dianggap salah satu komponen yang masih belum dikuasai oleh para responden dengan baik berbanding dengan bab-bab lain dalam tatabahasa Arab.

Daripada tinjauan awal, penulis mendapati sebahagian besar pelajar tidak dapat menguasai konsep perubahan dalam sistem BA ini dengan baik. Tanda baris atau *i'ra:b* yang sentiasa berubah serta perbezaan daripada aspek kata tunggal atau kata nama jama' juga mengganggu penutur bukan natif BA apabila menggunakan *maf'u:l bih* dengan tepat dalam

penggunaan harian. Hal ini berlaku demikian kerana adanya perubahan-perubahan yang melibatkan gender maskulin dan feminin, adanya perubahan yang melibatkan kata tunggal, kata pendua dan juga kata nama jama' serta berbagai-bagai lagi konsep yang tiada dalam BM. Justeru, penulis mendapati bahawa kajian ini penting bagi membantu mereka yang ingin memahami dengan lebih mendalam mengenai tajuk ini. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat menjadi panduan kepada guru-guru BA dalam menyampaikan tajuk ini dengan lebih berkesan.

Pada dasarnya kajian ini penting dilakukan untuk mengenal pasti dan menyingkap beberapa perkara yang timbul hasil daripada penggunaan *maf'u:l bih* dalam kalangan pelajar Melayu.

Kepentingan kajian ini antaranya ialah:

- i. Wujudnya hubungan rapat di antara *maf'u:l bih*, kata kerja, kata nama dan kata sifat dalam pembinaan struktur ayat BA.
- ii. Mengetahui tahap pembelajaran *maf'u:l bih* BA dan kemahiran pelajar pada menguasai dan menggunakannya
- iii. Mengetahui faktor yang menyumbang ke arah kelemahan pelajar dalam menguasai BA dengan baik dan berkesan.

1.7 Batasan Kajian

Skop kajian ini akan membabitkan kumpulan pelajar tertentu dan kawasan kajian yang terhad serta tumpuan utama kajian ini dibataskan kepada aspek-aspek berikut:

- i. Konsep, unit-unit dan fungsi *maf'u:l bih* yang digunakan pada masa ini.

- ii. Kaedah-kaedah pengajaran nahu Arab yang diaplikasikan di Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah Kuantan pada masa ini.
- iii. Penggunaan dan penguasaan *maf'u:l bih* dalam kalangan pelajar pada masa ini.

Kajian ini hanya menumpukan kepada tajuk *maf'u:l bih* dalam BA sahaja. Ini bermakna kesalahan-kesalahan bahasa yang lain tidak diambil kira dalam melakukan kajian dan menganalisis data.

Kajian ini juga dihadkan hanya kepada 80 orang responden sahaja yang akan dipilih secara rawak. Responden-responden yang dipilih adalah merupakan pelajar- pelajar yang mengambil mata pelajaran BA yang melibatkan pembelajaran nahu berkaitan tajuk kajian. Pemilihan responden ini dilakukan memandangkan tajuk kajian merupakan salah satu tajuk di dalam sukatan BA yang akan mereka duduki semasa peperiksaan akhir semester.

Penulis menjadikan pelajar yang mengambil matapelajaran *al-arabiyyah li al-dakwah 1* di kolej ini sebagai responden kajian kerana:

- i. Pelajar yang menjadi responden kajian terlibat secara langsung dalam mempelajari tajuk berkaitan dengan kajian yang dilakukan kerana ia termasuk dalam sukatan pelajaran yang diikuti oleh mereka.
- ii. Penulis berhasrat untuk mendapatkan gambaran dan maklumat yang lebih jelas tentang pencapaian responden-responden dalam menguasai tajuk kajian.

- iii. Sebahagian besar responden merupakan pelajar yang telah memiliki maklumat asas tentang pembelajaran nahu BA di peringkat menengah agar tidak terlalu sukar untuk membuat penilaian tahap penguasaan mereka berkaitan tajuk kajian.

Secara umumnya responden kajian adalah pelajar Melayu. Kebanyakan mereka adalah dari lepasan sekolah-sekolah menengah aliran agama dan BA. Mereka juga merupakan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Responden adalah berasal daripada pelbagai negeri di Malaysia termasuk Sabah.

Sebahagian besar responden merupakan pelajar yang mendapat pinjaman dari PTPTN, yayasan negeri seperti Yayasan Pahang. MARA juga turut memberi pinjaman kepada pelajar- pelajar yang mendapat kelulusan cemerlang dalam SPM dan STAM. Selebihnya ialah pelajar persendirian.

Purata latar belakang responden dalam penguasaan BA di peringkat sekolah menengah berada di tahap sederhana. Kajian ini juga hanya melibatkan responden-responden Melayu yang sedang mengikuti pengajian mereka di sini.

1.8 Metodologi Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, penulis akan menggunakan beberapa metode seperti pengumpulan data daripada teks Arab, analisis data dan kajian lapangan. Secara umumnya metodologi kajian dapat dibahagikan seperti berikut:

1.8.1 Kajian Perpustakaan

Sebahagian kajian ini menumpukan kepada kajian perpustakaan terutama sekali semasa proses melengkapkan perbahasan mengenai konsep *maf'u:l bih* dalam BA. Dalam proses untuk menjayakan bahagian ini, buku-buku Nahu Arab sama ada yang lama atau yang moden dan hasil-hasil penyelidikan berkaitan akan dirujuk. Metod ini digunakan sepenuhnya untuk menyiapkan bahagian ini kerana ianya merupakan kajian di peringkat teori yang memerlukan penulis mendapatkan maklumat daripada sumber-sumber primer dan sekunder dalam menganalisis tajuk kajian, jenis-jenisnya, peraturan serta kaedah-kaedah yang berkaitan secara terperinci, tersusun dan lengkap.

1.8.2 Kajian Lapangan

Dalam kajian lapangan, sebanyak dua jenis soal selidik dan ujian bertulis akan dijalankan:

1.8.2.1 Soal Selidik

Tujuan soal selidik ini dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat penting berkenaan hal peribadi responden yang melibatkan umur, jantina, latar belakang keluarga, pendidikan, pengalaman belajar dan masalah pembelajaran serta saranan-saranan yang membantu untuk meningkatkan kemahiran responden dalam penggunaan *maf'u:l bih*.

1.8.2.1.1 Kandungan dan Tujuan Soal Selidik

Penggunaan kaedah soal selidik dilakukan ke atas 80 orang responden yang akan dipilih secara rawak. Responden yang akan dipilih terdiri daripada pelajar- pelajar yang telah

didedahkan dengan tajuk *maf'u:l bih* ini. Dalam kajian lapangan ini, terdapat dua bahagian soal selidik yang akan dijalankan iaitu:

1.8.2.1.1.1 Soal Selidik berkaitan dengan Latar Belakang Responden

Tujuan soal selidik bahagian ini adalah untuk mendapat maklumat penting berkenaan hal ehwal peribadi responden yang melibatkan umur, jantina, latar belakang keluarga, pendidikan, pengalaman belajar dan dorongan dalam mempelajari BA. Sebanyak 7 soalan disediakan.

1.8.2.1.1.2 Soal Selidik berkaitan dengan Pembelajaran dan Pengajaran BA

Tujuan soal selidik bahagian ini ialah untuk mengenal pasti tahap minat responden dengan pembelajaran Nahu BA secara umum dan dengan tajuk kajian secara khusus. Soalan-soalan berkaitan dengan aspek kesukaran juga disediakan untuk mengesan masalah pembelajaran serta saranan-saranan yang difikirkan membantu untuk meningkatkan kemahiran responden dalam menguasai tajuk *maf'u:l bih* dalam BA ini. Sebanyak 17 soalan disediakan

1.8.2.1.2 Pengendalian Soal Selidik

Soal Selidik mengandungi dua puluh empat soalan. Masa yang diperuntukkan untuk menjawab semua soalan yang diberikan ialah selama 30 minit sahaja. Ujian ini dijalankan di dalam sebuah dewan khas di Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah Kuantan. Seramai 80 orang responden telah terlibat dalam ujian bertulis ini.

1.8.2.2 Ujian Bertulis

Ujian bertulis dalam bahagian ini adalah merupakan soalan menyeluruh yang merangkumi semua topik yang terkandung dalam tajuk *maf'u:l bih* BA. Tujuan ujian ini adalah untuk menilai dan mengukur tahap penguasaan responden dalam menggunakan konsep *maf'u:l bih* BA dalam bentuk penulisan mereka.

1.8.2.2.1 Kandungan Ujian Bertulis

Ujian ini akan membicarakan mengenai penguasaan responden terhadap tajuk kajian iaitu *maf'u:l bih* BA. Sebanyak 35 soalan telah disediakan untuk dijawab oleh setiap responden dan soalan-soalan ini boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu: Enam soalan memerlukan responden untuk membezakan antara kata kerja tak transitif (*fi'l la:zim*) atau kata kerja transitif (*fi'l muta'addy*), Enam soalan menguji responden untuk menentukan *maf'u:l bih* dengan tepat dalam ayat. Tiga soalan menguji responden untuk mengenalpasti dengan tepat *maf'u:l bih* dalam contoh ayat-ayat al-qura:n. Enam soalan menguji responden bagi membezakan antara *maf'u:l bih* berubah (*mu'rab*) atau tidak berubah (*mabniyy*) dalam ayat. Enam soalan berikutnya menguji keupayaan responden untuk mengenalpasti jumlah bilangan *maf'u:l bih* yang terdapat dalam ayat. Tiga soalan berikutnya menguji kemampuan responden untuk membina ayat dengan meletakkan pelaku (*fa'il*) yang sesuai bagi melengkapkan struktur ayat yang terdapat didalamnya *maf'u:l bih*. Manakala tiga soalan terakhir bertujuan untuk mengukur sejauh mana kemampuan responden untuk menyempurnakan sesuatu ayat dengan meletakkan *maf'u:l bih* yang sesuai bagi dalam struktur ayat.

Penulis tidak menguji responden dengan soalan terjemahan kerana soalan daripada sudut ini hampir terdapat persamaan dengan soalan bahagian pertama yang menguji keupayaan

responden membezakan antara kata kerja tak transitif (*fi'l la:zim*) atau kata kerja transitif (*fi'l muta'addy*). Apabila responden diuji kemampuan mereka untuk menterjemah maka secara tidak langsung mereka turut diuji kemampuan mereka bagi membezakan kata kerja (*fi'l*) dalam struktur ayat tersebut sama ada ia kata kerja tak transitif (*fi'l la:zim*) atau kata kerja transitif (*fi'l muta'addy*).

Penulis juga turut tidak menguji kemampuan responden daripada sudut mengi'rabkan *maf'u:l bih* kerana pada pandangan penulis proses mengi'rabkan *maf'u:l bih yang berada dalam pelbagai bentuk sama ada mu'rab* atau *mabniyy, za:hir* atau *dami:r* memerlukan satu perbincangan dan perbahasan yang agak panjang disamping turut terpaksa membincangkan tanda-tanda mansu:b (*'ala:ma:t al-nasb*) pada perkataan-perkataan yang menjadi *maf'u:l bih* dalam sesuatu contoh ayat yang dikemukakan.

Sebanyak lima pilihan jawapan telah disediakan untuk dipilih oleh responden yang mana pilihan jawapan yang terakhir ialah “*tidak tahu*”. Pilihan jawapan ini bertujuan untuk mengesan permasalahan pembelajaran dalam kalangan responden berkaitan dengan soalan yang dikaji. Untuk tujuan berkenaan, setiap responden yang memilih jawapan ini dikehendaki menyatakan sebab-sebab mereka memilih jawapan berkenaan.

Sebanyak enam pilihan jawapan disediakan dan responden hanya dikehendaki menandakan (✓) bagi cadangan alasan yang dipersetujuinya. Enam pilihan jawapan berkenaan ialah:

- 1- tidak pernah belajar
- 2- belajar tetapi tidak faham
- 3- kurang buat latihan
- 4- tidak mengulangkaji

5- keliru

6- lain-lain, nyatakan...

Bagi memudahkan pembaca memahami dan menginterpretasi dapatan kajian, penulis mengkategorikan dan menginterpretasikan skor min kepada lima tahap. Ini dilakukan untuk mengetahui tahap penguasaan responden terhadap tajuk kajian iaitu *maf'u:l bih* dalam BA. Interpretasi skor min dibahagikan kepada lima tahap seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah:

1.8.2.2.1.1 **JADUAL Interpretasi Skor Min**

Skor Min (%)	Interpretasi
81 – 100	Amat baik
61 – 80	Baik
41 – 60	Memuaskan
21 – 40	Lemah
≤ 20	Amat lemah

Dalam menganalisis data dapatan kajian ini, penulis akan membentangkan peratus responden yang menjawab dengan betul, jawapan salah dan peratus responden yang memilih jawapan “*tidak tahu*” sahaja. Ini bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan. Dapatan daripada alasan responden yang memilih jawapan “*tidak tahu*” pula dinyatakan dalam bentuk kekerapan. Hal ini demikian kerana, dalam sesuatu bahagian soalan, responden berkemungkinan memberikan jawapan “*tidak tahu*” dan menyatakan alasannya lebih

daripada sekali. Daripada dapatan kekerapan alasan yang dinyatakan, diharap aspek-aspek kesukaran dalam pembelajaran tajuk kajian serta puncanya dapat dikesan.

Kandungan ujian bertulis berkisar tentang membezakan antara kata kerja transitif (الفعل المتعدي) dengan kata kerja tak transitif (الفعل اللازم), menentukan *maf'u:l bih* dalam sesuatu struktur ayat, menentukan *maf'u:l bih* dalam contoh ayat-ayat al-Qur'a:n, menentukan contoh kata nama yang tidak berubah (*maf'u:l bih mabniyy*) atau kata nama yang boleh berubah (*maf'u:l bih mu'rab*), menentukan bilangan *maf'u:l bih* dalam sesuatu struktur ayat, meletakkan pelaku (*fa:'il*) yang sesuai dalam sesuatu struktur ayat dan meletakkan *maf'u:l bih* yang sesuai dalam sesuatu struktur ayat.

1.8.2.2.2 Pengendalian Ujian Bertulis

Ujian bertulis mengandungi tiga puluh lima soalan. Masa yang diperuntukkan untuk menjawab semua soalan yang diberikan ialah selama 1 jam sahaja. Ujian ini dijalankan di dalam sebuah dewan khas di Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah Kuantan. Seramai 80 orang responden telah terlibat dalam ujian bertulis ini.

Sebelum ujian bertulis tersebut dijalankan responden akan dimaklumkan terlebih dahulu tentang tujuan ujian tersebut, tarikh, masa dan tempat ianya akan dijalankan. Mereka juga diminta membuat persiapan bagi menghadapi ujian tersebut.

Segala arahan dan kehendak soalan akan diperjelaskan kepada responden. Mereka dibenarkan bertanya jika terdapat soalan yang kurang jelas kehendak maksudnya.

1.9 Analisis Data

Dapatan kajian daripada soal selidik dan ujian bertulis akan diproses mengikut bahagian-bahagian tertentu berdasarkan kepada analisis diskriptif. Melalui analisis diskriptif ini, peratusan, min dan taburan skor akan digunakan bagi menjelaskan maklumat berkaitan latar belakang responden, pendapat responden berkaitan pembelajaran dan pengajaran BA serta penguasaan dalam tajuk kajian iaitu *maf'u:l bih* BA. Untuk menganalisis data, penulis menggunakan perisian SPSS versi 13. Jadual dan graf akan digunakan bagi memaparkan dapatan kajian berkenaan untuk membantu pembaca menginterpretasi data yang dibentangkan dengan lebih mudah.

1.10 Rumusan

Kesimpulannya kajian ini akan dijalankan berdasarkan kaedah seperti berikut:

- i) Kajian Perpustakaan iaitu melalui pembacaan rujukan tatabahasa.
- ii) Kajian Lapangan yang melibatkan soal selidik dan ujian bertulis.

Bilangan responden yang terlibat ialah seramai 80 orang.

1.11 Rangka Kajian

Untuk menjayakan disertasi ini, penulis akan membahagikan kajian ini kepada lima bab seperti berikut:

1.11.1 Bab 1

Bab satu merupakan pengenalan kepada disertasi ini. Perkara-perkara yang terkandung dalam bab ini ialah pendahuluan, permasalahan kajian, tinjauan kajian lepas, kepentingan kajian, batasan kajian dan metodologi kajian.

1.11.2 Bab 2

Dalam bab dua, penulis akan membincangkan mengenai kepentingan BA, BA di Malaysia, pengajaran Nahu Arab yang melibatkan objektif pengajian nahu, dasar-dasar pengajian nahu, teori kaedah-kaedah pengajian nahu serta pengajaran *maf' u:l bih* di Kolej Islam Pahang Kuantan.

1.11.3 Bab 3

Dalam bab tiga, penulis akan membincangkan mengenai takrif *maf' u:l bih* menurut ahli nahu Arab. Untuk memudahkan pemahaman mengenai tajuk *maf' u:l bih* ini, penulis akan membahagikan perbincangan mengenai peraturan-peraturan berkaitan dengan topik ini kepada beberapa bahagian mengikut aturan yang sesuai. Seterusnya penulis akan mengkaji mengenai peraturan setiap bahagian yang berkaitan dengan topik serta mengemukakan contoh-contoh yang sesuai bagi setiap bahagian untuk memudahkan pemahaman mengenai topik kajian.

1.11.4 Bab 4

Bab keempat adalah merupakan analisis dapatan kajian. Dalam bab ini, semua data yang diperolehi akan dikumpul kemudian dihuraikan dengan terperinci. Data-data yang

diperolehi akan dibentangkan sama ada dalam bentuk jadual atau graf, untuk memudahkan pembaca membuat banding beza terhadap data yang telah diperolehi.

1.11.5 Bab 5

Bab kelima adalah merupakan bab terakhir dalam disertasi ini. Dalam bab ini, akan dikemukakan rumusan kajian serta cadangan bagi meningkatkan lagi tahap penguasaan responden terhadap tajuk yang dikaji.

1.12 Kesimpulan

Akhir sekali, besarlah harapan penulis, agar kajian ini akan dapat dijadikan asas dan panduan dalam usaha untuk mengatasi masalah dalam pembelajaran dan pengajaran BA, terutamanya pada tajuk *maf'u:l bih* ini. Penguasaan dan pemahaman sesuatu yang diajar dengan baik akan meningkatkan minat dan kecenderungan seseorang untuk terus belajar dan menambahkan pengetahuan. Sebaliknya, kesamaran dan ketidakfahaman yang berterusan akan menjadi barah yang boleh membunuh minat dan kesungguhan seseorang.